

BUKU PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN INOVASI, HARTA INTELEK (IP) DAN PENGKOMERSIALAN POLITEKNIK MALAYSIA

Buku ini memaparkan panduan perancangan dan pengurusan inovasi, IP dan pengkomersialan politeknik. Edisi ini memuatkan kaedah dan prosedur yang mudah difahami untuk rujukan Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi Politeknik. Proses kerja yang dinyatakan di dalam buku ini menepati kehendak dasar, pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa.

Versi Oktober 2014



**BUKU PANDUAN PERANCANGAN DAN
PENGURUSAN INOVASI, HARTA INTELEK
(IP) DAN PENGKOMERSIALAN
POLITEKNIK MALAYSIA**

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK

2014

Hak cipta terpelihara ©

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Aras 3 Galeria PjH, Jalan P4W Persiaran Perdana, 62100 Putrajaya.

EDITOR

Dr. Abdul Rahim Bin Ahmad

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik

Norkamal Bin Jaafar

Ketua Penolong Pengarah Kanan

PENULIS

Aliza Binti Md Atan

Penolong Pengarah Kanan (Inovasi)

Ida Kamalawati Binti Abu Bakar

Penolong Pengarah Kanan (Pengkomersialan)

Nor Husna Shafini Binti Nor Bashah

Penolong Pengarah Kanan (Pengurusan Harta Intelek)

Kandungan

BUKU PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN INOVASI, HARTA INTELEK (IP) DAN PENGGOMERSIALAN POLITEKNIK MALAYSIA.....	1
PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN	7
INOVASI POLITEKNIK.....	7
1.0 Tujuan	7
2.0 Latar Belakang.....	8
3.0 Definisi Dan Skop.....	8
4.0 Pelaksanaan	9
SKOP 1 Perancangan Inovasi Politeknik	9
SKOP 2 Pengurusan Inovasi Politeknik	10
SKOP 3 Penyertaan Pameran Dan Pertandingan.....	11
PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HARTA INTELEK (IP) POLITEKNIK.....	13
1.0 Tujuan	13
2.0 Latar Belakang.....	13
3.0 Definisi Dan Skop.....	14
4.0 Pelaksanaan	14
SKOP 1 Perancangan Pemilikan IP Politeknik.....	14
SKOP 2 Pengurusan IP Politeknik	15
SKOP 3 Pemberian Khidmat Nasihat Dan Latihan IP	16
5.0 Pemberian Insentif Rekacipta	17

PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PENGGOMERSIALAN POLITEKNIK	19
1.0 Tujuan	19
2.0 Latar Belakang.....	19
3.0 Definisi Dan Skop.....	20
4.0 Pelaksanaan	21
SKOP 1 Perancangan Pengkomersialan	21
SKOP 2 Pengurusan Pengkomersialan Politeknik.....	22
SKOP 3 Pemberian Khidmat Nasihat/ Latihan Pengkomersialan	23
5.0 Kaedah/ Model Pengkomersialan	24
6.0 Panduan Perkongsian Keuntungan.....	26
7.0 Pengurusan Terimaan Bagi Hasil Kewangan Pengkomersialan Dan Pemberian Saguhati.....	27
8.0 Kewajipan Ke Atas Mereka Yang Mempunyai Akses Kepada Maklumat Sulit Politeknik.....	28
Tanggungjawab	29
Dokumen Rujukan.....	30
Terminologi	31
Singkatan Maksud.....	31
RUJUKAN	32



INOVASI

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK

2014

PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN INOVASI POLITEKNIK

1.0 Tujuan

Buku ini bertujuan memberikan panduan kepada semua Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai pelaksanaan perancangan dan pengurusan inovasi politeknik dalam skop berikut:

- a) Perancangan Inovasi Politeknik
- b) Pengurusan Inovasi Politeknik
- c) Penyertaan Pameran dan Pertandingan

2.0 Latar Belakang

Panduan perancangan dan pengurusan inovasi politeknik tidak dilaksanakan secara berpusat, sebaliknya dibuat secara berasingan di politeknik-politeknik. Walau bagaimanapun penyelarasan akan dibuat oleh Unit Inovasi Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (PPIP), Jabatan Pengajian Politeknik. Semua politeknik perlu mengemukakan perancangan dan pengurusan inovasi kepada PPIP, yang bertindak sebagai penyelarasan utama bagi pihak semua politeknik.

Manakala pelaporan pelaksanaan juga mesti dihantar kepada PPIP secara berkala pada setiap sukuan tahun.

3.0 Definisi Dan Skop

Perancangan dan pengurusan inovasi politeknik merujuk kepada langkah merancang dan mengurus inovasi yang boleh digunakan oleh semua Unit Penyelidikan dan Inovasi politeknik.

Skop pelaksanaan perancangan dan pengurusan inovasi politeknik adalah seperti berikut :

- a) Perancangan Inovasi Politeknik
- b) Pengurusan Inovasi Politeknik
- c) Penyertaan Pameran dan Pertandingan

4.0 Pelaksanaan

SKOP 1 Perancangan Inovasi Politeknik

PPIP dilibatkan bersama-sama Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi Politeknik (KUPI) dalam perancangan inovasi politeknik. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Menyedia dan menyelaraskan unjuran belanjawan inovasi politeknik untuk dimasukkan ke dalam Peruntukan Belanja Mengurus politeknik merangkumi belanjawan pengurusan inovasi, penambahbaikan produk inovasi serta pameran dan pertandingan.
- b) Membuat unjuran belanjawan inovasi politeknik pada sukuan ketiga setiap tahun.
- c) Menghantar salinan unjuran belanjawan inovasi politeknik kepada PPIP.

SKOP 2 Pengurusan Inovasi Politeknik

PPIP dilibatkan bersama-sama KUPI dalam proses pengurusan inovasi. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Menggalakkan penjanaaan idea inovasi dalam kalangan staf/pelajar politeknik dan membantu dari segi pengurusan inovasi politeknik.
- b) Menyelaraskan pelaksanaan pertandingan projek akhir pelajar di politeknik.
- c) Mengenalpasti dan melantik panel penilai untuk menilai inovasi pelajar semasa pertandingan akhir projek pelajar. Panel boleh terdiri daripada staf politeknik dan luar iaitu wakil institusi pengajian tinggi atau industri.
- d) Memastikan panel penilai menandatangani Perjanjian Menjaga Kerahsiaan (NDA) sebelum proses penilaian dijalankan supaya maklumat kerahsiaan inovasi politeknik dilindungi.
- e) Memastikan inovasi yang disenarai pendek dibuat perlindungan harta intelek terlebih dahulu sebelum diketengahkan untuk pameran dan pertandingan di peringkat yang lebih tinggi (rujuk panduan perancangan dan pengurusan IP).
- f) Memantau penyerahan inovasi pelajar dan memastikan pelajar menandatangani Borang Deklarasi Pelajar. Borang ini hendaklah diserahkan bersama-sama Buku Laporan Projek Akhir sebelum graduasi.

SKOP 3 Penyertaan Pameran Dan Pertandingan

PPIP dilibatkan bersama-sama KUPI dalam proses penyertaan pameran dan pertandingan. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Menggalakkan penyertaan politeknik dalam pameran/pertandingan inovasi.
- b) Memastikan inovasi tersebut telah diiktiraf di peringkat politeknik dan kebangsaan untuk layak ke peringkat antarabangsa.
- c) Memastikan setiap penyertaan disertakan abstrak inovasi. Salinan hendaklah dihantar kepada PPIP bagi pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- d) Memastikan abstrak inovasi bebas dari kesalahan tatabahasa. Bagi abstrak inovasi yang menggunakan Bahasa Inggeris, KUPI hendaklah memastikan ianya telah disemak oleh Unit Bahasa Inggeris.
- e) Memastikan penyertaan dan pertandingan peringkat antarabangsa diuruskan menerusi pejabat PPIP.



HARTA INTELEK

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK

2014

PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HARTA INTELEK (IP) POLITEKNIK

1.0 Tujuan

Panduan ini bertujuan memberikan pencerahan kepada semua Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai pelaksanaan perancangan dan pengurusan IP Politeknik dalam skop berikut:

- a) Perancangan Pemilikan IP Politeknik
- b) Pengurusan IP Politeknik
- c) Pemberian Khidmat Nasihat dan Latihan IP

2.0 Latar Belakang

Perancangan dan Pengurusan IP Politeknik tidak dilaksanakan secara berpusat. Politeknik dibenarkan untuk melaksanakan perancangan dan pengurusan IP secara berasingan di politeknik masing-masing. Tindakan penyelarasan dan pemudahcaraan dilakukan oleh Unit Inovasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik (PPIP) dengan Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (KUPI) di mana KUPI perlu mengemukakan perancangan tahunan bagi pemilikan dan pengurusan IP politeknik kepada PPIP.

Selain itu, laporan pelaksanaan juga mesti dihantar kepada PPIP secara berkala iaitu pada setiap sukuan tahun bagi melicinkan kerja-kerja penyelarasan dan juga menentukan pencapaian prestasi politeknik.

3.0 Definisi Dan Skop

Perancangan dan pengurusan IP Politeknik merujuk kepada perancangan tahunan untuk pemilikan IP dan juga kaedah pengurusan perolehan IP yang mesti digunakan oleh semua politeknik.

Skop pelaksanaan perancangan dan pengurusan IP Politeknik adalah seperti berikut:

- a) Perancangan Pemilikan IP Politeknik
- b) Pengurusan IP Politeknik
- c) Pemberian Khidmat Nasihat dan Latihan IP

4.0 Pelaksanaan

SKOP 1 Perancangan Pemilikan IP Politeknik

KUPI melaksanakan proses perancangan tahunan untuk pemilikan IP Politeknik dengan melibatkan PPIP secara langsung. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti keperluan dan membuat perancangan pemilikan IP Politeknik (merujuk kepada bilangan dan kategori IP) termasuk anggaran belanjawan pemilikan IP;
- b) Menghantar sesalinan perancangan pemilikan IP politeknik termasuk anggaran belanjawan pemilikan IP kepada PPIP;
- c) PPIP melaksanakan kerja-kerja penyelarasan perancangan pemilikan IP dengan menjalankan pemantauan dan susulan berhubung perancangan pemilikan IP secara sistematik dengan bantuan daripada KUPI.

SKOP 2 PENGURUSAN IP POLITEKNIK

KUPI melaksanakan pengurusan IP Politeknik dengan melibatkan PPIP secara langsung. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Mengurus proses saringan rekapipta, pendaftaran dan pengurusan data IP Politeknik;
- b) Memastikan rekapipta yang dicadangkan untuk diberikan perlindungan IP melalui proses saringan yang betul (“pitching”) dan disokong dengan bukti pencarian “prior arts”;
- c) Memastikan pendaftaran IP Politeknik dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu proses pendaftaran IP yang telah digariskan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO);
- d) Memastikan hanya pegawai yang dipertanggungjawabkan sahaja mempunyai akses kepada dokumen IP yang telah didaftarkan; dan
- e) Menghantar laporan berkala pendaftaran IP politeknik kepada PPIP secara sukuan tahun.

SKOP 3 Pemberian Khidmat Nasihat Dan Latihan IP

KUPI melaksanakan proses penyediaan khidmat nasihat /latihan IP kepada politeknik masing-masing dengan melibatkan PPIP secara langsung. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Menyenaraikan bentuk khidmat nasihat/ latihan IP yang diperlukan oleh politeknik masing-masing (contohnya khidmat nasihat dalam pemilihan ejen IP, Bengkel Kepentingan IP, Bengkel Kesedaran IP, Bengkel Penulisan Teknikal IP dan lain-lain) dan menghantar perancangan khidmat nasihat/ latihan IP kepada PPIP untuk direkodkan.
- b) Melaksanakan khidmat nasihat/ latihan IP yang telah dirancang mengikut jadual;
- c) Menghantar laporan berkala pelaksanaan bengkel khidmat nasihat/ latihan IP yang telah dirancang kepada PPIP secara sukuan tahun untuk tujuan pemantauan secara sistematik; dan
- d) Membantu PPIP dalam melaksanakan apa-apa bengkel khidmat nasihat/ latihan IP yang difikirkan perlu bagi memperkasakan pengurusan IP politeknik dari semasa ke semasa.

5.0 Pemberian Insentif Rekacipta

Pemberian insentif rekacipta boleh dilaksanakan bagi menggalakkan rekacipta baharu. Politeknik boleh mempertimbangkan untuk memberi insentif kepada pereka cipta untuk rekacipta yang mempunyai novelti dan mendapat perlindungan paten. contoh terbaik amalan pemberian insentif rekacipta yang boleh dipraktikkan adalah pembiayaan bagi menyertai pertandingan inovasi dan pembentangan kertas penyelidikan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa .

Walau bagaimanapun, pemberian insentif rekacipta tersebut adalah bergantung kepada peruntukan kewangan tahunan politeknik (Anggaran Belanjawan Mengurus). Pemilihan untuk pemberian insentif rekacipta juga adalah bergantung kepada kriteria penilaian yang ditetapkan oleh politeknik. Antara contoh kriteria yang boleh ditetapkan adalah jenis rekacipta, nilai komersial rekacipta, manfaat kepada politeknik dan masyarakat atau lain-lain kriteria yang munasabah.



PENGGOMERSIALAN

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK

2014

PANDUAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PENGKOMERSIALAN POLITEKNIK

1.0 Tujuan

Buku ini bertujuan memberikan panduan kepada semua Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai pelaksanaan perancangan dan pengurusan pengkomersialan politeknik dalam skop berikut:

- a) Perancangan Pengkomersialan Politeknik
- b) Pengurusan Pengkomersialan Politeknik
- c) Pemberian Khidmat Nasihat dan Latihan Pengkomersialan

2.0 Latar Belakang

Perancangan dan pengurusan pengkomersialan politeknik tidak dilaksanakan secara berpusat. JPP memberikan kelonggaran di mana politeknik bebas melaksanakannya mengikut acuan masing-masing berpandukan panduan yang telah ditetapkan.

Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (KUPI) bertanggungjawab mengemukakan perancangan pengkomersialan tahunan kepada PPIP. Laporan pelaksanaan pula hendaklah dihantar secara berkala setiap sukuan tahun.

3.0 Definisi Dan Skop

Perancangan dan pengurusan pengkomersialan politeknik merujuk kepada perancangan tahunan untuk pengkomersialan inovasi politeknik serta kaedah pengurusan pengkomersialanyang mesti digunakan oleh semua politeknik.

Skop pelaksanaan perancangan dan pengurusan pengkomersialan politeknik adalah seperti berikut:

- a) Perancangan Pengkomersialan Politeknik
- b) Pengurusan Pengkomersialan Politeknik
- c) Pemberian Khidmat Nasihat dan Latihan Pengkomersialan

4.0 Pelaksanaan

Pengkomersialan merujuk kepada idea yang diterjemah kepada bentuk produk, perkhidmatan, proses, teknologi, atau sistem organisasi kemudian dipasarkan bagi menjana pendapatan melalui kaedah pelesenan, penyerahan hak, usahasama atau pemindahan teknologi. Pendapatan yang dijana daripada aktiviti pengkomersialan tidak terhad kepada pulangan wang malah termasuk juga hasil sampingan seperti faedah kepada masyarakat.

Bagi melaksanakan pengkomersialan politeknik, skop-skop berikut digariskan sebagai panduan untuk tindakan KUPI.

SKOP 1 Perancangan Pengkomersialan

KUPI melaksanakan proses perancangan pengkomersialan tahunan politeknik dengan penglibatan PPIP. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti keperluan dan membuat perancangan pengkomersialan termasuk anggaran belanjawan pengkomersialan.
- b) Menghantar salinan perancangan pengkomersialan berkenaan kepada PPIP.

SKOP 2 Pengurusan Pengkomersialan Politeknik

KUPI melaksanakan pengurusan pengkomersialan politeknik dengan melibatkan PPIP.

Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Memastikan perancangan pengkomersialan dilaksanakan dengan sistematik;
- b) Memastikan inovasi tersebut telah mendapat perlindungan IP;
- c) Menentukan keupayaan komersial sesuatu inovasi dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - i. Laporan Kajian Pemasaran dan Analisis Pasaran (*MRA*); dan
 - ii. Kadar Pulangan Pelaburan (*ROI*).
- d) Memastikan tindakan-tindakan berikut dilaksanakan:
 - i. Mengenal pasti bakal pembeli;
 - ii. Mengenal pasti bentuk kaedah/model pengkomersialan;
 - iii. Menetapkan temujanji rundingan dengan pihak-pihak;
 - iv. Melibatkan PPIP dalam proses perundingan dengan pihak-pihak;
 - v. Menyediakan dokumentasi pengkomersialan berdasarkan perjanjian yang dipersetujui pihak-pihak;
 - vi. Menguruskan penyimpanan semua dokumen berhubung pengkomersialan seperti dokumen perjanjian yang telah dimeterai dan catatan minit; dan
 - vii. Memastikan hanya pegawai yang bertanggung jawab sahaja yang mempunyai akses kepada dokumen terbabit.
- e) Menghantar laporan pengkomersialan kepada PPIP secara berkala iaitu pada setiap sukuan tahun.

SKOP 3 Pemberian Khidmat Nasihat/ Latihan Pengkomersialan

KUPI melaksanakan proses penyediaan khidmat nasihat /latihan pengkomersialan kepada politeknik dengan melibatkan PPIP. Peranan KUPI adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti bentuk khidmat nasihat/ latihan pengkomersialan yang diperlukan oleh politeknik masing-masing seperti khidmat nasihat dalam memulakan pengkomersialan, perundingan pengkomersialan, “*pitching*”, pengurusan dokumentasi dan lain-lain.
- b) Membuat perancangan bagi khidmat nasihat/ latihan pengkomersialan;
- c) Melaksanakan bengkel/kursus yang telah dijadualkan;
- d) Menghantar laporan berkala pelaksanaan bengkel khidmat nasihat/ latihan yang telah dirancang kepada PPIP secara sukuan tahun bagi tujuan pemantauan secara sistematik;
- e) Membantu PPIP dalam melaksanakan apa-apa bengkel khidmat nasihat/ latihan yang difikirkan perlu bagi memperkasakan pengurusan pengkomersialan politeknik dari semasa ke semasa.

5.0 Kaedah/ Model Pengkomersialan

Pengkomersialan boleh dilaksanakan melalui kaedah/model berikut:

- a) Pelesenan (hanya inovasi yang mendapat perlindungan IP)
Pelesenan ialah keizinan untuk mengeksploitasi hak IP politeknik yang diberi kepada pihak lain melalui kaedah-kaedah berikut:
 - i. Lesen Eksklusif
Politeknik menyerahkan hak tertentu untuk mengeksploitasi IP khusus kepada pemegang lesen sahaja. Ini bermakna Politeknik melepaskan hak eksploitasi IP atau memberi sebarang lesen yang berikutnya kepada pihak lain. Walau bagaimanapun, Politeknik boleh mengekalkan hak penggunaan, menjalankan penyelidikan dan pembangunan selanjutnya serta mengeksploitasi IP untuk urusan bukan pengkomersialan.
 - ii. Lesen Bukan Eksklusif
Politeknik boleh menyerahkan hak eksploitasi IP kepada satu pihak atau lebih, termasuk hak untuk mengeksploitasi IP tersebut. Dalam lesen bukan eksklusif, Politeknik boleh memberikan hak sub-lesen kepada pemegang lesen.
 - iii. Lesen Tunggal
Politeknik menyerahkan hak tertentu eksploitasi IP kepada pemegang lesen itu tetapi mengekalkan hak untuk mengeksploitasi IP tersebut.

iv. Lesen Bersilang (“*Cross License*”)

Pilihan ini membolehkan dua atau lebih pemilik IP untuk memberi kuasa secara kontrak kepada satu sama lain untuk menggunakan IP masing-masing untuk tujuan komersial dan bukan komersial. Syarat-syarat pelesenan mungkin termasuk pembayaran yuran atau royalti sekiranya hak setiap pihak tidak sama nilainya.

b) Penyerahan hak

Politeknik memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak kepada pihak lain (pemegang serah hak). Penyerahan melibatkan jualan secara jelas hak inovasi/IP kepada pemegang serah hak. Walau bagaimanapun, penyerahan separa adalah dibenarkan, sebagai contoh, ia boleh dihadkan oleh lokasi geografi atau bidang penggunaan tertentu.

c) Syarikat Usahasama

Politeknik menubuhkan syarikat dengan pihak lain untuk tujuan mengkomersialkan inovasi/IP politeknik di mana politeknik dan pihak lain adalah pemegang saham syarikat tersebut.

d) Pemindahan teknologi

Politeknik memindahkan teknologi kepada pihak lain dengan balasan yang setimpal.

Balasan yang dimaksudkan tidak terhad kepada balasan kewangan.

6.0 Panduan Perkongsian Keuntungan

Sebarang hasil kewangan yang diperoleh daripada pengkomersialan/ eksploitasi inovasi/ IP politeknik hendaklah dibahagikan di antara politeknik dengan pereka cipta setelah mengambil kira potongan ke atas semua perbelanjaan yang munasabah.

Politeknik boleh mengagihkan pendapatan bersih tersebut berdasarkan surat perjanjian yang telah dimeterai di antara politeknik, pereka cipta dan pihak yang berkenaan (pembeli/ syarikat usahasama/ pemegang lesen). Surat perjanjian tersebut (MOA) dengan jelas memperuntukkan persetujuan pengagihan keuntungan dan ditandatangani bersama-sama oleh politeknik, pereka cipta dan pihak berkenaan.

Terdapat pelbagai model perkongsian keuntungan yang boleh digunakan oleh politeknik. **Contoh model perkongsian keuntungan** yang boleh dirujuk adalah seperti di bawah:

	Jumlah	Pereka Cipta	Politeknik
1	RM 250,000.00 pertama	80%	20%
2	RM 250,001.00 – RM 1000,000.00	70%	30%
3	RM 1000,001.00 – RM 2000,000.00	60%	40%
4	RM 2,000,001.00 ke atas	50%	50%

Sekiranya terdapat dua atau lebih pereka cipta menghasilkan inovasi/IP, pengagihan pendapatan pereka cipta adalah mengikut perjanjian bertulis yang telah dibuat di antara mereka. Jika tiada sebarang perjanjian bertulis, setiap pereka cipta berhak untuk mendapat bahagian pendapatan bersih yang sama. Jika terdapat perubahan dalam keahlian pasukan pereka cipta, terma perjanjian perlu dirunding semula dalam kalangan pasukan lama dan baharu. Terma baharu hendaklah didokumenkan.

7.0 Pengurusan Terimaan Bagi Hasil Kewangan Pengkomersialan Dan Pemberian Saguhati

Pengurusan terimaan bagi hasil kewangan pengkomersialan dan pemberian saguhati hendaklah dilaksanakan melalui Akaun Amanah Politeknik.

Segala pendapatan hasil pengkomersialan inovasi/IP dan apa-apa jenis sumbangan yang berkaitan hendaklah disampaikan kepada Pengarah untuk dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Politeknik.

8.0 Kewajipan Ke Atas Mereka Yang Mempunyai Akses Kepada Maklumat Sulit Politeknik

Semua individu yang diberi akses kepada maklumat sulit politeknik berkaitan dengan inovasi, IP dan pengkomersialan mestilah menandatangani Perjanjian Menjaga Kerahsiaan (NDA) untuk melindungi maklumat sulit tersebut.

KUPI hendaklah memastikan dokumen perjanjian tersebut direkod dan diuruskan dengan baik mengikut tatacara Arahan Keselamatan.

TANGGUNGJAWAB

Pengarah PPIP, Pengarah Politeknik, Timbalan Pengarah Akademik (TPA) Politeknik dan KUPI dengan bantuan pegawai politeknik yang dilantik bertanggungjawab memastikan Buku Panduan Inovasi, Harta Intelek (IP) dan Pengkomersialan Politeknik ini dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya.

Sesiapa jua yang terlibat dengan perancangan dan pengurusan inovasi, IP dan pengkomersialan perlu mematuhi panduan seperti yang telah digariskan di sini.

DOKUMEN RUJUKAN

Berikut adalah dokumen rujukan yang berkaitan dalam melaksanakan panduan perancangan dan pengurusan Inovasi, IP dan Pengkomersialan Politeknik:

- a) Arahan Keselamatan
- b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 Tahun 2009
- c) Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan
- d) Dasar & Prinsip Perancangan Dan Penyampaian Kurikulum Program Pengajian Jabatan Pengajian Politeknik (Nov 2011)
- e) Garis Panduan Projek Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik (2012)
- f) Akta Paten 1983 (Pindaan) Dan Peraturan-Peraturan Paten 1986
- g) Akta Hakcipta 1987 (Pindaan) Akta 2012 Dan Peraturan-Peraturan Hakcipta
- h) Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000
- i) Akta Cap Dagangan 1976 (Pindaan) Akta 2002 Dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1997
- j) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Pindaan) Akta 2013 Dan Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999

TERMINOLOGI

Singkatan	Maksud
1. NDA	<p><i>Non Disclosure Agreement</i></p> <p>Perjanjian Menjaga Kerahsiaan adalah suatu kontrak di mana satu atau lebih pihak bersetuju untuk tidak mendedahkan maklumat sulit yang mereka peroleh daripada sesuatu urusan/urusniaga. Pihak yang menandatangani perjanjian tidak boleh apa-apa maklumat yang diperolehi.</p>
2. MRA	<p><i>Market Research and Analysis</i></p> <p>Kajian Pasaran menyediakan maklumat penting untuk mengenal pasti dan menganalisis keperluan pasaran, saiz pasaran dan persaingan. Analisis pasaran pula menyediakan maklumat mengenai faktor, syarat, dan juga ciri-ciri pasaran.</p>
3. ROI	<p><i>Return On Investment</i></p> <p>Suatu bentuk pengukuran prestasi yang digunakan untuk menilai keberkesanan sesuatu pelaburan atau untuk membandingkan kecekapan beberapa pelaburan yang berbeza.</p>
4. Borang Deklarasi Pelajar	<p>Borang standard yang menyatakan perakuan pelajar bahawa projek inovasi adalah hakmilik politeknik. Borang ini turut memperaku penyerahan sukarela projek inovasi kepada politeknik.</p>

RUJUKAN

Arahan Keselamatan (Buku Hitam)

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 Tahun 2009

Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan
(R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan

Dasar & Prinsip Perancangan Dan Penyampaian Kurikulum Program Pengajian
Jabatan Pengajian Politeknik (Nov 2011)

Garis Panduan Projek Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik (2012)

Akta Paten 1983 (Pindaan) Dan Peraturan-Peraturan Paten 1986

Akta Hakcipta 1987 (Pindaan) Akta 2012 Dan Peraturan-Peraturan Hakcipta

Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Pindaan) Akta 2013 Dan Peraturan-
Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999

Akta Cap Dagangan 1976 (Pindaan) Akta 2002 Dan Peraturan-Peraturan Cap
Dagangan 1997